

K Aidan

MUHAMMAD A'IZZAT FAISAL BIN KHAIRI (08DPB18F1007)
MUHAMMAD MUIZZUDDIN BIN MAT KAMAL (08DPB18F1032)
MUHAMMAD NAIM NAZIF BIN MOHAMAD KHIR (08DPB18F1023)
MOHAMMAD AIMAN ZAFRI BIN MOHD FAISAL (08DPB18F1034)

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

ABSTRAK

Dalam era globalisasi ini, penggunaan tangga dan ampaian merupakan keperluan asas dalam sesebuah rumah. Namun, kedua-dua alat ini telah menggunakan ruang yang banyak. Oleh itu, untuk mengoptimumkan ruang tersebut, satu inovasi telah dihasilkan iaitu ' K Aidan ' yang menggabungkan "step ladder" dan ampaian. Selain itu, masalah yang telah dikaji untuk mencapai matlamat inovasi ini adalah keadaan musim yang tidak menentu seperti musim hujan menyukarkan penghuni rumah terutamanya rumah flat dan pangsapuri untuk mengeringkan pakaian. Objektif pertama projek ini adalah untuk menghasilkan tangga tiga fungsi iaitu penyediaan dan pengeringan pakaian serta binaan untuk naik dan turun antara tempat yang tinggi. Objektif kedua bagi projek ini juga dapat mengoptimumkan ruang kediaman seperti rumah flat dan pangsapuri. Skop projek ini mengkhususkan pengeringan pakaian yang dibasuh menggunakan mesin basuh sahaja. Di samping itu, kajian telah dilakukan dan ditulis dalam bentuk metodologi, antaranya adalah kajian melalui garis panduan penyediaan kain di kediaman yang berbilang tingkat. Kajian kedua yang dilakukan adalah melalui tinjauan ke perumahan bertingkat di Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA U1) yang terletak bersebelahan dengan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Setelah menganalisis data data yang diperolehi, keputusan yang diperolehi menunjukkan satu per tiga penduduk di Shah Alam tidak mempunyai ruang yang cukup untuk menyimpan tangga dan menyidai pakaian. Akhir sekali, cadangan penambahbaikan produk adalah produk ini akan mengeringkan pakaian dengan masa yang lebih singkat.

Keyword : Step ladder

ABSTRACT

In this era of globalization, the use of stairs and hangers is a basic need in a home. However, these two tools have used up a lot of space. Therefore, to optimize the space, an innovation has been produced namely 'KAIDAN' which combines step ladder and clothesline. In addition, the problem that has been studied to achieve this innovation goal is the unpredictable seasonal conditions such as the rainy season making it difficult for homeowners especially flats and apartments to dry clothes. The first objective of this project is to produce a ladder of three functions, namely the hanging and drying of clothes and construction to go up and down between high places. The second objective of this project is also to optimize residential space such as flats and apartments. The scope of this project specializes in drying clothes washed using a washing machine only. In addition, studies have been done and written in the form of methodology, among which is a study through the guidelines of fabric delivery in multi-storey residences. The second study was conducted through a survey of multi-storey housing in Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA1) which is located next to the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Polytechnic. After analyzing the data obtained, the results obtained show that some of the population in Shah Alam does not have enough space to store stairs and hang clothes. Finally, the proposed product improvement is that this product will dry the clothes in a shorter time.